



RUNDINGAN BALING

Perjalanan untuk memerdekakan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957, sekali gus membentuk Malaysia pada 16 September 1963 merupakan perjalanan yang penuh dengan suka dan duka.

Kerajaan di bawah pimpinan Yang Teramat Mulia (YTM) Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj memainkan peranan yang penting untuk menjayakan usaha ini. Rundingan demi rundingan diatur sama ada dengan pihak British, pembangkang, mahupun pihak komunis untuk mencari jalan yang terbaik buat negara. Pada ketika itu, Persekutuan Tanah Melayu bukanlah sebuah negara yang besar dan mempunyai kekuatan ketenteraan yang hebat seperti pada hari ini. Oleh itu, proses rundingan merupakan jalan yang terbaik untuk mencapai kata sepakat dan mengelakkan pertumpahan darah. Satu proses rundingan dibuat oleh kerajaan di bawah pimpinan YTM Tunku, iaitu Rundingan Baling.

Terlebih dahulu, masyarakat perlu memahami peristiwa pendudukan Parti Komunis Malaya (PKM) di Persekutuan Tanah Melayu yang bermula sejurus selepas tentera Jepun menyerah kalah pada Ogos 1945. Keberadaan PKM di Persekutuan

Tanah Melayu mengundang begitu banyak masalah dan menimbulkan kekacauan. PKM melakukan onar dan membunuh penduduk tidak berdosa yang tidak sehaluan dengan mereka. Ketegangan yang timbul ini akhirnya sampai ke kemuncak apabila pihak British

mengisytiharkan darurat pada Jun 1948. Melalui pengisytiharan ini, PKM dan semua organisasi di bawah pengaruhnya telah diharamkan. Pihak British juga membuat operasi tangkapan besar-besaran untuk membendung anasir komunis di Persekutuan Tanah Melayu. Bermula daripada pengumuman darurat ini, ahli PKM hidup sebagai pelarian dan bersembunyi di hutan belukar. Mereka melancarkan serangan secara gerila dari masa ke masa dan menggunakan tali barut yang berada dalam kalangan penduduk setempat bagi mendapatkan maklumat semasa.

Meskipun dalam keadaan darurat, perjuangan untuk mencapai kemerdekaan tetap diteruskan

oleh barisan nasionalis negara yang diketuai oleh YTM Tunku. Negara sukar untuk mencapai kemerdekaan sekiranya ancaman komunis tidak dapat dibendung kerana ancaman tersebut akan menjelaskan keselamatan negara. Oleh itu, selepas tujuh tahun darurat dilaksanakan, kerajaan berjaya mendapatkan persetujuan PKM untuk melakukan rundingan demi mencapai kemerdekaan negara. YTM Tunku pada ketika itu mengharapkan rundingan yang bakal dijalankan ini akan dapat membuahkan hasil yang baik terhadap negara dar. PKM akan meletakkan senjata. Rundingan tersebut dijalankan pada tahun 1955 dan dikenali sebagai Rundingan Baling.

Rundingan Baling diadakan selama dua hari iaitu bermula pada 28 Disember 1955 yang melibatkan wakil Persekutuan Tanah Melayu dan wakil Parti Komunis Malaya (PKM) di Sekolah Inggeris, Baling, Kedah. Persekutuan Tanah Melayu diwakili oleh YTM Tunku, Ketua Menteri; Encik David Marshall, Ketua Menteri Singapura dan YBhg. Dato' Sir Tan Cheng Lock, Presiden Persatuan Cina Malaya (MCA). PKM pula diwakili oleh Chin Peng, Setiausaha Agung PKM; Chen Tien, Ketua Propaganda PKM dan Abdul Rashid Maidin, ahli PKM. Sewaktu rundingan ini diadakan, semua kedai ditutup dan kira-kira 5000 penduduk Baling menunggu di sepanjang jalan untuk melihat dengan mata kepala mereka sendiri peristiwa bersejarah ini. Chin Peng dan pengikutnya tiba dengan menaiki trak polis pada pukul 12.15 tengah hari. Rundingan pula bermula pada pukul 2.30 petang.

Rundingan pada hari pertama berjalan selama empat jam 10 minit dan antara perkara yang diutarakan oleh PKM ialah mereka mahu setiap ahli PKM yang menyerah diri diberikan kebebasan dan tidak disoal siasat. Mereka juga mahu agar setiap ahli PKM yang menyerah diri diberikan hak untuk menyertai mana-mana parti politik ataupun mewujudkan parti politik baharu kerana PKM akan diharamkan. Tuntutan yang dikemukakan oleh PKM ini tidak boleh diterima oleh kerajaan. Kekejaman komunis di Persekutuan Tanah Melayu terlalu besar untuk dilepaskan begitu sahaja. Mereka seharusnya terlebih dahulu ditahan dan disoal siasat sebelum dilepaskan, namun PKM tidak bersetuju dengan tindakan ini. PKM mahu kebebasan mutlak dan segala kekejaman mereka selama lebih

tujuh tahun dilupakan begitu sahaja. Tiada persetujuan sepakat dicapai pada hari pertama dan sesi rundingan dilanjutkan ke hari berikutnya.

Hari kedua rundingan berjalan agak singkat dan tiada apa-apa keputusan dicapai antara kerajaan dengan PKM. Pendirian PKM tidak berubah dan tuntutan mereka masih sama seperti hari pertama rundingan. YTM Tunku menawarkan pengampunan bersyarat beramai-ramai kepada semua ahli PKM yang menyerah diri, iaitu mereka tidak akan didakwa namun perlu disoal siasat terlebih dahulu.

Chin Peng dilihat tidak berminat dengan tawaran ini dan mahukan kebebasan penuh untuk menjalankan kegiatannya di Persekutuan Tanah Melayu, malah PKM menolak keseluruhan tawaran yang dikemukakan

Chin Peng dilihat tidak berminat dengan tawaran ini dan mahukan kebebasan penuh untuk menjalankan kegiatannya di Persekutuan Tanah Melayu, malah PKM menolak keseluruhan tawaran yang dikemukakan oleh YTM Tunku. Chin Peng mengatakan, "Pengampunan bererti menyerah kalah. Menyerah kalah bererti penghinaan. Kami tidak akan menyerah kalah dan akan meneruskan perjuangan hingga akhir hayat."




(Dari kiri) Abdul Rashid Maidin, Chin Peng dan Chen Tien sewaktu Rundingan Baling diadakan pada 28 dan 29 Disember 1955 di Sekolah Inggeris, Baling, Kedah.

Sumber: Arkib Negara Malaysia, Nombor Penerimaan: 2001/0026706.

oleh YTM Tunku. Chin Peng mengatakan, "Pengampunan bererti menyerah kalah. Menyerah kalah bererti penghinaan. Kami tidak akan menyerah kalah dan akan meneruskan perjuangan hingga akhir hayat."

YTM Tunku pula dengan tegas mengatakan bahawa kerajaan tidak akan sama sekali menyerah kalah dan tunduk kepada tuntutan tidak berasas PKM. Pendirian YTM Tunku kekal daripada hari pertama rundingan, menunjukkan kesetiaan YTM Tunku kepada negara dan sikap tidak berkomprominya dengan anasir komunis. Sejurus selepas rundingan ini tamat, Chin Peng mengetuai ahli-ahli PKM yang hadir untuk kembali semula ke tempat persembunyian mereka.

Perjuangan melawan komunis berterusan sehinggalah proklamasi untuk memansuhkan Ordinan Peraturan Darurat 1948 ditandatangani oleh YTM Tunku pada 29 Julai 1960 di Bilik Kabinet, Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.



YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj menandatangani proklamasi bagi memansuhkan Ordinan Peraturan Darurat 1948, pada 29 Julai 1960, di Bilik Kabinet, Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.

Sumber: Arkib Negara Malaysia, Nombor Penerimaan: 2001/0026837.

Perisytiharan rasmi pemansuhan darurat pula dibacakan oleh DYMM Sultan Hisamuddin Alam Shah Ibni Almarhum Sultan Alaidin Sulaiman Shah, Yang di-Pertuan Agong, di Kuala Lumpur. Melalui pemansuhan ini, maka segala peraturan yang dibuat di bawah Ordinan Peraturan Darurat 1948 telah terbatal dan anasir komunis berjaya dihapuskan oleh kerajaan.

Kesimpulannya, Rundingan Baling merupakan satu peristiwa penting dalam perjuangan kerajaan untuk menghapuskan komunis. Keterbukaan kerajaan berjumpa dan berbincang dengan pihak musuh menunjukkan sikap diplomatik dan profesional kerajaan dalam menyelesaikan konflik. Meskipun rundingan ini pada asasnya gagal, namun kerajaan tetap menang dalam menegakkan prinsip antikomunis yang dipegang sejak sekian lama.

Bagi mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut, carian boleh dibuat melalui pautan <https://ofa.arkib.gov.my> dan <http://hids.arkib.gov.my>.

Keratan akhbar memaparkan berita mengenai Rundingan Baling bertarikh 29 Disember 1955. **Sumber: Arkib Negara Malaysia.**



Keadaan negara semasa darurat antara tahun 1948 hingga tahun 1960.

Sumber: Arkib Negara Malaysia, Nombor Penerimaan: 1998/0007136, 1998/0007143, 1998/0007139.